

07 OCT 1999

Hamid-Timor

MALAYSIA SEDIA KETUAI PASUKAN PENGAMAN DI TIMOR TIMUR

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Malaysia sedia mengetuai pasukan pengaman di Timor Timur jika dipilih oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Pendirian Malaysia ialah jika kita ditawarkan tugas penting (maka) dengan latar belakang dan pengalaman kita, Malaysia mampu melaksanakannya," kata beliau pada persidangan media di sini.

Bagaimanapun, kata Syed Hamid, Malaysia tidak mahu mendahului sebarang keputusan PBB dan perlu menunggu arahan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mencadangkan agar PBB menubuhkan segera sebuah pasukan pengaman khusus bagi Timor Timur yang kini mempunyai Pasukan Tentera Antarabangsa bagi Timor Timur (Interfet) yang diketuai Australia bagi mengendali keamanan ekoran tercetusnya huru-hara selepas sebahagian besar rakyatnya memilih untuk merdeka dalam satu pungutan suara.

Syed Hamid berkata bahawa Malaysia berpendapat bahawa setelah pasukan pelbagai negara ditubuhkan di Timor Timur, adalah penting untuk melahirkan suasana aman dan damai di situ untuk mengembalikan keyakinan rakyatnya.

"Itu sebab patut kita tubuh operasi pasukan pengaman PBB," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia sedia memainkan peranan penting dalam pasukan itu dan sedang berhubung dengan PBB.

"Kita sedang berhubung dengan sekretariat PBB untuk menentukan bentuk penyertaan sebenar apabila (pasukan pengaman) itu ditubuhkan kelak," katanya.

Pada masa ini Malaysia mempunyai 30 pegawai dan anggota yang menyertai Interfet.

Sebelum itu, sepasukan kira-kira 60 pemerhati tentera dan polis Malaysia ditugaskan dalam Unamet, misi bantuan PBB ke Timor Timur, menjelang pungutan suara pada 30 Ogos.

-- BERNAMA

sbj mai